JABATAN PENDAFTAR
Department of Registrar
إدارة المسجل العام

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | Pembantu Pembedahan Pergigian |
| **Badan Berkanun** | : | Universiti Sains Islam Malaysia |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Perubatan dan Kesihatan |
| **Jadual Gaji** | : | (see table below) |
| **Syarat Lantikan** | : | 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>(i) warganegara Malaysia;<br>(ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;<br>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Pembedahan Pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM1,418.12) |
| **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **Peningkatan Secara Lantikan** | : | Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<br>(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1; dan<br>(b) had umur pelantikan: |

Jadual Gaji:

| Gred | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|---|
| U19 | RM 1,360.00 | RM 4,052.00 | RM 100.00 |

| | | |
|---|---|---|
| | | (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau<br>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau<br>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun. |
| **Penetapan Gaji Permulaan** | : | Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan |
| **Taraf Jawatan** | : | Tetap |
| **Taraf Percubaan** | : | Pegawai yang dilantik adalah hendaklah berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. |
| **Latihan** | : | Pegawai boleh dikehendaki mengikut Latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan. |
| **Program Transformasi Minda** | : | Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan. |
| **Pengesahan Dalam Perkhidmatan** | : | Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:<br>(a) memenuhi tempoh percubaan;<br>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan. |
| **Pergerakan Gaji Tahunan** | : | Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| **Keperluan Kompetensi dan Potensi** | : | Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat. |
| **Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan** | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |

| | | |
|---|---|---|
| **Fungsi Bidang Tugas** | : | Bertanggungjawab membantu Pegawai Pergigian dalam mengendalikan tugas-tugas klinikal, membantu Pensyarah untuk Pengajaran dan Pembelajaran, mengendalikan bahan untuk aktiviti Pendidikan Kesihatan Pergigian, perkhidmatan kaunter pendaftaran, pengurusan pesakit dan pentadbiran dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa. |
| **Tarikh Tutup Permohonan** | : | **29 Oktober 2023** |